

Dilema banjir lagi

MPK didesak bertindak segera

NOR AZIHAN MD GHAZALI

MERU - Mangsa banjir mendesak Majlis Perbandaran Klang (MPK) segera mengatasi masalah banjir di beberapa lokasi di sini yang didakwa terburuk direkodkan dalam kejadian awal pagi, kelmarin.

Penduduk mendakwa sistem saliran tidak diselenggara dan penambakan sistem saliran pihak tidak bertanggungjawab disyaki antara faktor banjir itu.

Terdapat sebuah restoran yang baru beroperasi kira-kira dua bulan lalu dikatakan membuat penambakan sepanjang kira-kira lima meter atas sistem saliran di hadapan restoran itu di Jalan Khamis.

Bagaimanapun sebelum penambakan dibuat, tanah yang terjatuh ke dalam sistem itu tidak dikorek lalu dibuat penambakan sekali gus menghalang pengaliran air melalui sistem saliran itu hingga berlaku takungan air di antara saliran yang berkait rapat dengannya.

Lokasi yang terlibat dengan banjir kali ini adalah Taman Seri Puteri 1 dan 2, Persiaran Hamzah Alang (TAP), Jalan Kopi dan Jalan Nenas.

Dalam kejadian itu juga, tujuh keluarga turut dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Dewan MPK Meru pada hari sama selepas kediaman mereka di Jalan Kopi ditenggelami air, namun kesemua mangsa sudah pulang ke kediaman masing-masing semalam.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, sehingga lewat petang semalam, air masih memenuhi hampir kesemua sistem saliran malah terdapat pekarangan kediaman yang masih dipenuhi air berikutan air tidak dapat mengalir keluar ke saluran yang sepatutnya.

Mangsa yang juga pekerja swasta, Sairie Hasirat, 51, berkata, pihak berkuasa harus tegas mencari langkah mengatasi masalah berkenaan.



Mangsa banjir, Azmi terpaksa meletakkan batu bata mengalas kaki perabot menghindar ditenggelami air dalam kejadian awal pagi, kelmarin.



Sebuah gerai nasi ayam tidak dapat menjalankan operasi berikutan banjir masih belum surut sehingga lewat petang, semalam.

"Kejadian kali ini memberi kesan kepada semua mangsa hingga terpaksa membersihkan kediaman selain berhadapan kerosakan beberapa barangan perabot akibat ditenggelami air," katanya.

Mangsa, bekas Ketua Blok Taman Seri Puteri 1, Zainal Abidin Mohd Nawi berkata, dia percayai mempunyai kaitan dengan masalah infrastruktur di kawasan berkenaan.

"Kami yakin jika MPK bertindak mengorek sistem saliran pada hari kejadian segera, limpahan air ke kediaman penduduk dapat dielakkan," katanya.

Meru lokasi kerap banjir

Sementara itu, Ahli MPK Zon N42 (B) kawasan Meru, Nor Najhan Salleh berkata, kawasan Meru antara lokasi kerap dilanda banjir sejak dulu lagi.

Mengulas dakwaan umum kejadian itu dikaitkan dengan kesan penambakan sistem saliran oleh sebuah restoran di Jalan Khamis, beliau berkata, memang pihaknya menerima aduan berhubung perkara

itu dan Jabatan Kejuruteraan MPK menyiasat aduan berkenaan.

"Justeru itu, pemilik restoran diarahkan mengorek semula bahagian yang ditambah sepanjang kira-kira lima meter itu dalam tempoh 14 hari. Jika gagal akan dikenakan kompaun," katanya ketika melawat lokasi yang disifatkan antara penyebab kepada berlakunya banjir, di sini lewat petang semalam.

Bagi mengatasi kejadian sama, menurutnya, pihaknya berbincang dengan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) berkenaan 76 jambatan yang berada pada paras yang rendah hingga menghalang air melalui bawah jambatan itu.

"Hasil perbincangan itu, JPS memaklumkan akan membina semula 18 jambatan yang diklasifikasikan antara kritikal kerana menjadi halangan pergerakan air.

"Malah pihak berkuasa juga akan mengeluarkan notis kepada pemilik kediaman agar membuka jambatan yang dibina atas inisiatif sendiri di hadapan kediaman masing-masing kerana ia turut menghalang pengaliran air. Kita bagi masa dalam tempoh 14 hari dan jika gagal, mereka turut dikenakan kompaun," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya juga menghantar cadangan untuk pembinaan kolam tadahan di Meru menerusi peruntukan Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM50 juta dalam usaha mengatasi banjir di Klang.

"Kita tidak boleh menuding jari pada satu pihak semata-mata memandangkan sikap masyarakat yang membuang sampah turut menyumbang kepada saliran tersumbat," katanya.

Kesan cuaca tidak menentu dan banjir juga, katanya, menyebabkan jalan di Jalan Haji Abdul Manan dan Jalan TAP hingga ke Pekan Kapar berdepan kerosakan.